

→ ISU

# Usah pandang serong dasar khas majukan ekonomi Melayu

→ Perjuang penguasaan sosioekonomi, peluang saksama teroka bidang perniagaan

Oleh Luqman Arif  
Abdul Karim  
luqman.arif@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

**D**asar ekonomi Melayu baharu berteraskan tiga paksi utama yang bakal digubal ialah penajaran semula pelbagai mekanisme dan inisiatif sebelum ini.

Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Seri Mohd Redzuan Md Yusof, berkata pendirian untuk mengutamakan segmen masyarakat Melayu itu tidak sewajarnya dipandang serong atau didakwa sebagai bersifat cauvinis.

Katanya, keputusan kerajaan menggubal dasar khas itu adalah isyarat bagi merangsang pelbagai pihak berkuasa berkaitan dalam pertumbuhan ekonomi supaya kekal fokus memajukan sosioekono-

mi Melayu.

“Kita ada satu pasukan dalam Kabinet, merangkumi pelbagai jawatankuasa yang bertindak memberikan input (mengenai pembangunan ekonomi Melayu).

“Tiada salahnya mengatakan usaha ini untuk bangsa tertentu kerana ia secara jelas diterjemahkan dalam statistik bahawa Melayu hanya menyumbang lapan peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

“Kadar sumbangan ini kurang daripada 10 peratus dalam tempoh 60 tahun, sedangkan anda (Melayu) mewakili 68 peratus daripada jumlah penduduk di Malaysia,” katanya di sini, semalam.

Terdahulu, beliau hadir menyampaikan ucaptama sempena seminar anjuran Cambridge Judge Business School, bertajuk ‘Pemeriksaan, Pencapaian dan Pertumbuhan Ekonomi Malaysia Baharu’, di ibu negara.

Yang turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif The New Straits Times Press (M) Berhad (NSTP), Datuk Seri Abdul Jalil Hamid.

## Tiada peluang saksama

Mohd Redzuan berkata, isu yang membelenggu Melayu dalam konteks penguasaan ekonomi ialah mereka tidak diberikan peluang saksama untuk menerokai dunia perniagaan.

Selain itu, katanya, kepincangan terhadap aspek pendedahan kemahiran dan pengetahuan mengundang kegusaran dalam kalangan



**Mohd Redzuan** (tengah) ketika hadir pada seminar anjuran Cambridge Judge Business School, bertajuk ‘Pemeriksaan, Pencapaian dan Pertumbuhan Ekonomi Malaysia Baharu’, di Kuala Lumpur, semalam.

nai selok-belok perniagaan dikenal pasti antara faktor utama usahawan Melayu sering gagal daripada mempertahankan empayar mereka.

“Diakui memang ramai (Melayu) yang pandai, selain mempunyai minat mendalam terhadap dunia keusahawanan, tetapi mereka mungkin tidak faham cara mengendalikan perniagaan.

“Oleh itu, dasar (ekonomi Melayu baharu) yang ingin kita gubal ini tidak lagi bersifat am, sebaliknya berteraskan pencapaian menerusi pelaksanaan inisiatif khusus.

“Cerita ini sudah lama, hampir 60 tahun, justeru kita hanya akan jangka keputusan sama dalam tempoh sedemikian jika tiada perubahan atau penajaran semula dilakukan,” katanya.

Sementara itu, Mohd Redzuan berkata, keputusan mengecilkan saiz perkhidmatan penjawat awam mungkin disalah faham segerintir pihak sehingga mengundang kegusaran dalam kalangan

masyarakat.

Beliau berkata, langkah itu lebih terarah kepada agensi dan badan yang sebelum ini didapati tidak menjalankan fungsi pentadbiran kerajaan, sebaliknya bergerak berdasarkan agenda politik serta kepentingan tertentu.

## Berlaku pertindihan skop kerja

“Ada juga agensi yang mempunyai pertindihan skop kerja, justeru langkah ini sekadar mengemas ki ni struktur pentadbiran perkhidmatan penjawat awam,” katanya.

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, Selasa lalu dilaporkan berkata, kerajaan akan memastikan penjawat awam disediakan peluang pekerjaan di sektor ekonomi lain sebelum pengecilan saiz perkhidmatan dilakukan.

Katanya, pengecilan saiz perkhidmatan awam juga tidak bermaksud berlakunya pengurangan peluang pekerjaan terutama apabila penswastaan dilaksanakan.

**Mohd Redzuan Md Yusof,**  
Menteri Pembangunan  
Usahawan